

ELEMEN NILAI MENURUT IMAM AL-GHAZALI DALAM PEMBANGUNAN APLIKASI QURAN ISYARAT USIM

Fatin Hanisah binti Nazri
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Email: fatinisah@raudah.usim.edu.my

Nur Adila binti Manwardzi
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
E-mail: nuradila7.raudah.usim.edu.my

Nur Adlin Hafizah binti Abd Razak
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
E-mail: adlinhafizah@raudah.usim.edu.my

Nurul Asiah Fasehah Binti Muhamad
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
E-mail: nurulasiahfasehah@usim.edu.my

ABSTRAK

Aplikasi Quran Isyarat USIM merupakan inovasi terbaru dalam dunia aplikasi al-Quran yang khususnya dibangunkan oleh Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk memberi ruang dan peluang kepada komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) Pendengaran mempelajari al-Quran. Walaupun teknologi yang sesuai bagi OKU pendengaran masih terhad, aplikasi ini diharapkan dapat menerapkan nilai-nilai yang menjadi asas penting dalam membolehkan komuniti ini memahami dan mengamalkan ajaran al-Quran. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis konsep nilai dalam Islam menurut Imam al-Ghazali dan mengkaji elemen nilai yang diterapkan dalam aplikasi tersebut. Melalui kajian kualitatif yang melibatkan analisis kitab Ihya' Ulum Ad-din hasil tulisan Imam al-Ghazali dan juga temubual dengan ketua pembangun Aplikasi Quran Isyarat USIM, dapatan kajian mendapati terdapat empat elemen nilai utama yang dikemukakan oleh Imam al-Ghazali iaitu al-Hikmah (kebijaksanaan), al-Syaja'ah (keberanian), al-'Iffah (kesucian) dan al-'Adlu (keadilan) dan semua nilai ini diterapkan dalam pembangunan aplikasi Quran isyarat. Kajian ini diharapkan dapat memberikan implikasi kepada penyelidik dan pembangun aplikasi berteraskan Islam dalam usaha untuk memberikan ruang yang sewajarnya bagi OKU hidup beragama.

Kata Kunci : Aplikasi Quran Isyarat USIM, OKU Pendengaran, nilai.

1. Pengenalan

Al-Quran diturunkan sebagai petunjuk dan rahmat daripada Allah SWT kepada seluruh umat manusia tanpa mengira latar belakang atau keupayaan fizikal. Allah juga telah berfirman di dalam Surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ۗ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۗ وَمَن كَانَ
مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا
هَدَاكُمُ وَأَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

Maksudnya: Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah

ia berbuka, Kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.

(Surah al-Baqarah 2:185)

Secara umumnya, ayat ini menegaskan bahawa al-Quran adalah panduan untuk semua manusia tanpa pengecualian. Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab ke atas kita untuk memastikan ajaran al-Quran dapat diakses oleh semua, termasuk komuniti OKU pendengaran agar mereka juga dapat menikmati keindahan dan hidayah yang terkandung di dalamnya. Namun, tidak dinafikan isu yang dihadapi dalam pembelajaran al-Quran dikalangan komuniti OKU pendengaran terutama dalam keterbatasan terhadap akses kepada sumber pembelajaran yang sesuai. Kebanyakan bahan pendidikan Islam, termasuk al-Quran tidak disediakan dalam bentuk mesra peka seperti di dalam bahasa isyarat.

Penggunaan isyarat tangan adalah penting untuk membantu komuniti ini memahami dan berkomunikasi dalam proses pembelajaran. Komuniti OKU pendengaran mempunyai kekuatan utama dalam pemahaman visual yang menjadikan bahasa isyarat kaedah paling sesuai untuk mereka memahami al-Quran dengan lebih jelas dan berkesan (Alias, n.d). Untuk memastikan golongan ini tidak ketinggalan dalam mempelajari dan memahami al-Quran, Universiti Sains Islam Malaysia melalui Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) telah berjaya membangunkan aplikasi Quran Isyarat pertama di Malaysia iaitu Aplikasi Quran Isyarat USIM pada tahun 2019 (Yunus, 2019). Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan akses dan pemahaman al-Quran dalam kalangan komuniti OKU pendengaran dan ianya sangat mendapat respon yang amat baik daripada seluruh penggunanya. Namun, seperti yang dapat dilihat, sering kali dalam pembangunan teknologi pendidikan, nilai-nilai Islam ini tidak dititikberatkan dan tidak diketengahkan hingga menyebabkan produk yang dihasilkan tidak sepenuhnya memenuhi keperluan rohani dan etika pengguna.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti elemen-elemen nilai menurut Imam al-Ghazali yang terdapat di dalam aplikasi ini agar memastikan penggunanya tidak hanya mendapat manfaat dari segi pembelajaran al-Quran, tetapi juga diterapkan dengan nilai-nilai Islam yang sebenar. Dengan memahami elemen-elemen ini, aplikasi Quran Isyarat USIM dapat berfungsi bukan sahaja menjadi medium yang relevan dalam mendidik dan membimbing komuniti OKU pendengaran bahkan ianya selari dengan prinsip-prinsip nilai dan moral Islam.

2. Metodologi kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang aplikasi Quran Isyarat USIM dan bagaimana ia mempengaruhi kehidupan komuniti OKU pendengaran secara keseluruhan. Kajian kes digunakan untuk menganalisis secara mendalam aplikasi Quran Isyarat USIM sebagai satu kes unik. Dalam konteks ini, kajian kes membolehkan penyelidik memahami bagaimana aplikasi tersebut dibangunkan, elemen-elemen nilai yang diterapkan, dan bagaimana elemen-elemen ini diterapkan di dalam Aplikasi Quran Isyarat USIM. Kajian kes melibatkan pengumpulan data dari analisis dokumen dan kaedah temu bual yang dijalankan kepada pembangun aplikasi Quran Isyarat USIM. Analisis kandungan membantu dalam mengenal pasti dan menilai elemen-elemen nilai yang diterapkan dalam aplikasi tersebut. Melalui analisis ini, penyelidik dapat memahami bagaimana nilai-nilai Islam dan ajaran al-Quran diintegrasikan ke dalam fungsi dan reka bentuk aplikasi.

Manakala menurut Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin, temu bual merujuk kepada proses untuk mendapatkan data dengan menemui seseorang atau satu kumpulan kecil secara bersemuka. Tujuan pertemuan ini untuk melakukan soal jawab atau berkomunikasi dua hala yang bertujuan untuk meminta pandangan, pendapat dan pengakuan daripada seseorang. (Osup, 2020). Analisis kandungan digunakan untuk menganalisis bahan-bahan yang terdapat dalam aplikasi Quran Isyarat.

2.1 Pemilihan sampel kajian

Dalam pemilihan sampel kajian ini, penyelidik telah membuat pemilihan sampel berdasarkan dua objektif utama dalam kajian ini, objektif yang pertama ialah mengkaji konsep nilai menurut Imam al-Ghazali melalui kitab *Ihya' Ulum ad-Din* manakala bagi objektif kedua, menjalankan temu bual bersama ketua pembangun aplikasi Quran Isyarat USIM.

Pertama, kitab *Ihya' Ulum ad-Din* di bawah bab kitab *Riyadhat al-Nafs Wa Tahzib al-Akhlak Wa Mualajat Amradh al-Qalb* menerangkan elemen nilai daripada pandangan Imam al-Ghazali. Dengan menggunakan kitab ini sebagai sumber, ia dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep-konsep nilai menurut al-Ghazali, termasuk nilai-nilai yang relevan dalam konteks pembangunan aplikasi Quran Isyarat USIM. Imam al-Ghazali mengemukakan beberapa elemen nilai yang penting dalam pembinaan akhlak antaranya adalah al-Hikmah (kebijaksanaan), al-Syaja'ah (keberanian), al-'Iffah (kesucian) dan al-'Adlu (keadilan).

Kedua, menjalankan temu bual dengan ketua pembangun aplikasi, Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee Mohd Raus untuk melihat aplikasi nilai-nilai menurut Imam al-Ghazali yang diterapkan di dalam pembangunan Aplikasi Quran Isyarat inspirasi. Selain itu, penyelidik turut menggunakan analisis dokumen bagi mencapai objektif kedua ini.

3. Dapatan Kajian

Terdapat dua objektif utama yang perlu dicapai dalam kajian ini, iaitu untuk mengkaji konsep nilai menurut Imam al-Ghazali dan untuk mengenalpasti elemen nilai yang terdapat dalam Aplikasi Quran Isyarat USIM. Hasil kajian bagi objektif pertama mendapati bahawa Imam al-Ghazali tidak secara terus menyebut tentang definisi nilai, namun ia disandarkan dengan konsep akhlak. Dalam *Ihya' Ulum ad-Din* di bawah bab kitab *Riyadhat al-Nafs Wa Tahzib al-Akhlak Wa Mualajat Amradh al-Qalb*, terdapat empat elemen nilai utama yang penting dalam pembentukan akhlak. Elemen-elemen ini menjadi asas dalam penyelarasan nilai-nilai yang diterapkan dalam aplikasi ini. Untuk mencapai objektif kedua, kajian dilakukan melalui temu bual bersama ketua pembangun aplikasi tersebut, Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee Mohd Raus, yang juga merupakan Pengarah Pusat Penyelidikan Ibnu Umami Maktum, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) USIM. Melalui temu bual tersebut, didapati bahawa aplikasi tersebut mengintegrasikan empat elemen nilai yang telah dikemukakan oleh Imam al-Ghazali.

3.1 Konsep nilai menurut Imam al-Ghazali

Imam al-Ghazali merupakan seorang sarjana agung dalam tradisi Islam, beliau bukan sahaja seorang ahli teologi bahkan beliau merupakan pemikir yang memberi sumbangan yang signifikan kepada pemikiran Islam. Imam al-Ghazali mempunyai pengaruh yang mendalam dalam membentuk pemikiran dan nilai-nilai masyarakat Islam pada zamannya. Beliau banyak menyampaikan pandangan beliau terhadap nilai-nilai moral dan etika Islam melalui karya-karya tulisan beliau, terutamanya di dalam karya beliau yang terkenal iaitu kitab *Ihya' Ulum ad-Din*, namun begitu, beliau tidak secara terus menyatakan definisi nilai secara terperinci namun beliau memberikan gambaran

yang mendalam tentang bagaimana nilai-nilai ini tercermin di dalam ajaran Islam yang sebetulnya dan bagaimana muslim harus mengamalkannya dalam kehidupan seharian mereka.

Nilai menurut Imam al-Ghazali secara umumnya ialah merupakan prinsip-prinsip yang mengatur perilaku manusia dalam mencapai kebaikan dan kesempurnaan. Nilai-nilai ini merangkumi aspek-aspek seperti keimanan yang kukuh, ketenangan jiwa, akhlak yang baik dan keseimbangan antara kebutuhan jasmani dan rohani (Hasiyah binti Mat Salleh, 2021). Dalam konteks ini, dapat dilihat bahawa nilai dari aspek beliau menjurus ke arah akhlak dalam islam iaitu sesuatu yang berkaitan dengan sifat dalaman yang membentuk perilaku. Al-Ghazali menyatakan bahawa akhlak ialah sifat yang wujud dalam jiwa seseorang dalam membuat tindakan tanpa memikirkannya terlebih dahulu. Bentuk kejadian (al-khalq) dan akhlak dikaitkan dengan akhlak yang mana al-khalq adalah representasi zahir kecantikan manusia (حسن الظاهر atau صور الظاهر), manakala al-khulq bermaksud kecantikan dalaman (حسن الباطن) juga dirujuk sebagai (صور الباطن) tubuh manusia. Kecantikan zahir manusia memerlukan pertimbangan menyeluruh, sebagai contoh, muka manusia tidak sempurna tanpa mata, pipi, hidung dan lain-lain. Begitulah akhlak manusia, yang terdiri daripada kecantikan dalaman yang perlu sempurna sepenuhnya. Di sini dapat disimpulkan bahawa nilai dan akhlak daripada sudut pandang Imam al-Ghazali saling berkait rapat namun keduanya ialah dua unsur yang penting dalam pembentukan muslim yang bermoral dan beretika. (Mohd Hasrul Shuhar, 2015)

Merujuk ke dalam kitab Ihya' Ulum ad-Din karya Imam al-Ghazali beliau telah mengemukakan empat prinsip dalam pembentukan nilai atau akhlak seseorang individu iaitu al-Hikmah yang bermaksud kebijaksanaan, al-'Adl (Keadilan), al-Syaja'ah (Keberanian) dan akhir sekali al-'Iffah iaitu nilai kesucian. Empat-empat elemen ini menjadi dasar pegangan kepada pembentukan keperibadian yang mulia sebagaimana yang dituntut di dalam Islam. Elemen nilai-nilai ini juga meliputi pelbagai aspek kehidupan termasuk hubungan manusia dengan Allah, hubungan sesama manusia terutamanya serta dengan semua yang digelar makhluk di muka bumi ini. Kajian ini merujuk kepada kitab Ihya' Ulum ad-Din karya Imam Al-Ghazali yang mengemukakan empat prinsip utama dalam pembentukan nilai atau akhlak seseorang individu.

3.1.1 Al-Hikmah (kebijaksanaan)

Asas kepada pembentukan nilai al-Hikmah ini adalah daripad (قوة العلم) yang bermaksud kekuatan ilmu. Hal ini kerana ia membantu mendorong seseorang individu itu membezakan antara perkara benar dan yang dusta dalam perkataan, antara yang hak dan yang batil dalam kepercayaan dan antara yang indah dan keji dalam perbuatan. Dari kekuatan ilmu ini, lahirlah nilai kebijaksanaan yang menjadi asas utama dalam pembentukan akhlak mulia. Al-Qasimi berkata dengan kebijaksanaan, kehidupan akan terkawal dan seseorang individu itu akan termotivasi tinggi untuk mencapai kejayaan dan kebahagiaan. Manakala Imam-al-Ghazali berpendapat, elemen al-Hikmah termasuklah kemampuan mengurus dengan baik (حسن الفهم), memiliki akal fikiran atau kefahaman yang berkualiti (ثقب الفهم), pandangan yang tepat (جودة الذهن), memiliki jangkaan yang tepat (إصابة الرأي) dan kerja yang teliti serta memperhalusi perkara-perkara kecil (التفطن لدقائق الأمور). Walaupun begitu, dalam menguruskan kekuatan ilmu, keseimbangan nilai adalah penting agar tidak melampaui kewajaran yang boleh membawa kepada tipu muslihat (مكر الخداع) dan penipuan (الخداع و الزور). Kekurangan kekuatan ilmu pula boleh menyebabkan lemah akal (البلة), kurang pengalaman, banyak

berangan-angan (الغرام), kebodohan (الجهل), tingkah laku yang merosak (المقاحلة) dan hilang akal (الجنون) sehingga merosakkan diri.

3.1.2 Al-‘Adlu (Keadilan)

Kekuatan adil (قوة العدل) atau kekuatan jiwa memainkan peranan penting dalam mengawal kemarahan dan nafsu syahwat secara adil. Ia juga merujuk kepada kesamarataan dan keseimbangan dalam setiap perkara agar tidak melampaui batas dan sentiasa berpandukan prinsip-prinsip yang benar menurut akal dan agama. Dengan cara ini, seseorang individu itu dapat mencapai kebijaksanaan atau al-hikmah. Al-‘Adlu juga membawa keharmonian, ketenteraman dan kebahagiaan dalam kehidupan seseorang. Oleh itu, keadilan adalah elemen penting yang mendorong individu untuk mencapai keadaan yang stabil dan seimbang dalam kehidupan sekaligus menyumbang kepada pembentukan akhlak yang mulia dan bijaksana.

3.1.3 Al-Syaja’ah (Keberanian)


Al-Syaja’ah (Keberanian) muncul apabila kekuatan marah (قوة الغضب) ditundukkan dan dikawal oleh akal, hanya digunakan apabila diperlukan atau seperti yang diarahkan oleh kebijaksanaan. Menurut Imam Al-Ghazali r.a., al-Syaja’ah membentuk kemuliaan diri seseorang (كرم النفس), keberanian (جود), kebijaksanaan dan kepantasan (الحكمة والسرعة), keperkasaan (الشدّة), keupayaan mengalahkan nafsu, andaian, dan khayalan (قهر النَّفْسِ وَالْحَيَالِ وَالْوَهْمِ), pendirian teguh (الثبات), belas kasihan (الإحسان), kehormatan (الوقار), serta keupayaan menahan kemarahan (كظم الغيظ). Tanpa akal, al-Syaja’ah boleh membawa kepada tindakan melulu (التهور), dakwaan melampau, kesombongan (التكبر), emosi yang melampau (الإستشاطة), kebanggaan diri (البذخ), kemarahan berlebihan (الصلف), dan kekaguman terhadap diri sendiri (الإعجاب بالنفس). Sebaliknya, kekurangan al-Syaja’ah menyebabkan rasa hina, lemah, rendah diri (المهانة والدلة والخساسة), putus asa (العجز), jiwa kecil (صغر النفس), dan kecenderungan menyendiri daripada hak yang sepatutnya atau di dalam Bahasa arabnya disebut الانقباض عن تناول (الحق الواجب).

3.1.4 Al-‘Iffah (Kesucian atau kesederhanaan)

Al-‘Iffah (Kesucian) terbentuk apabila kekuatan syahwat (قوة الشهوة) tunduk kepada kebijaksanaan (al-Hikmah). Dengan al-‘Iffah, seseorang akan menjaga kesucian diri dengan menghindari perbuatan maksiat dan tidak baik. Al-‘Iffah memupuk sifat pemurah (السخاء), kesabaran (الصبر), rasa malu (الحياء), kepuasan (القناعة), ketakwaan (الورع) serta menghindari perkara haram, kesantunan (اللطف), saling membantu (المساعدة), dan mengurangkan ketamakan (قلة الطمع). Namun, jika al-‘Iffah

melampaui batas atau tidak ada, ia akan menimbulkan sifat tamak dan haloba (الشهوه), kekerasan hati (القساوة), keborosan (البذخ), perangai keji (الخبث), penipuan tersembunyi (الخدیعة), kebanggaan diri (الرياء), pendedahan keaiban (المهتكة), bergurau berlebihan (المجانة), melakukan perbuatan sia-sia (العبت), hasad dengki (الحسد), kegemaran terhadap bala (المسكنة), dan pandangan menghina terhadap orang miskin dan kaya secara tidak adil (الاستحقار) (Marzuki, 2017).

Berikut adalah rajah 1 menunjukkan gambaran empat elemen utama menurut Imam Ghazali yang disebutkan di dalam kitab kitab Ihya' Ulum ad-Din tersebut.



Rajah 1: Elemen nilai menurut Imam al-Ghazali

3.2 Elemen nilai yang terdapat di dalam Aplikasi Quran Isyarat USIM

Hasil penemuan empat elemen nilai utama yang didapati melalui kajian objektif pertama iaitu al-Hikmah (kebijaksanaan), al-'Adlu (keadilan), al-Syaja'ah (keberanian) dan juga al-'Iffah (kesucian) berdasarkan kitab Ihya' Ulum ad-Din karya Imam al-Ghazali ia mempunyai keselarasan yang selari dengan hasil temu bual yang telah dijalankan dengan ketua pembangun aplikasi ini iaitu Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee yang juga dikenali sebagai Ustaz Norakyairee. Hasil temu bual mendapati bahawa kesemua elemen nilai menurut Imam al-Ghazali diterapkan dalam pembangunan aplikasi ini.

3.2.1 Nilai al-Hikmah (kebijaksanaan) di dalam Aplikasi Quran Isyarat USIM

Melalui analisis yang dijalankan menemukan beberapa bentuk elemen al-Hikmah yang terdapat di dalam aplikasi ini. Di antara elemen yang dikenal pasti merangkumi ketajaman akal fikiran ثقابة (الرأي), berfikiran bernas (جودة الذهن), jangkaan yang benar dan tepat (إصابة الظن) serta kebijaksanaan mengatur dan merancang (حسن التدبير). Elemen-elemen al-Hikmah ini dapat dilihat melalui penerapan kebijaksanaan dalam konteks pembelajaran dan pemahaman al-Quran melalui aplikasi tersebut. Hasil temu bual mendapati bahawa terdapat beberapa elemen untuk mempelajari aplikasi ini. Elemen yang pertama ialah isyarat mengenal iaitu dengan menerangkan cara memperkenalkan

al-Quran kepada komuniti OKU pendengaran. Yang kedua pula adalah kaedah hafazan yang mana ia menerangkan cara yang sesuai untuk mengajar mereka menghafal al-Quran. Ketiga, kaedah bacaan tilawah iaitu mengajar komuniti OKU pendengaran membaca al-Quran dengan betul. Akhir sekali, elemen pemahaman yang mana ia menerangkan terjemahan ayat-ayat al-Quran supaya mereka memahami isi dan makna ayat al-Quran tersebut selaras dengan kata-kata daripada Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee iaitu:

“Kalau Quran kita tidak boleh lari dari empat elemen, kalau kita rujuk kepada surah al-Qiyamah ayat 16-19, isyarat pertamanya adalah mengenal kalau untuk golongan OKU pendengaran ini bagaimana untuk memperkenalkan Quran itu kepada mereka. Keduanya, bagaimana kita mahu memberi mereka menghafal al-Quran ini dan ketiganya barulah kita ajar mereka membacanya dan akhirnya bagaimana untuk memahaminya. Dan dalam empat-empat proses pembelajaran Quran menurut suruh al-Qiyamah ini kita gabungkan cuma kita keluarkan yang besarnya bagaimana kaedah Tilawah dan kaedah memahami.”

(Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee, int_21_May2024)

Hal ini menonjolkan elemen nilai al-Hikmah bukan seaja bagi pihak pembangun aplikasi ini bahkan ia memberikan nilai kebijaksanaan kepada komuniti OKU pendengaran yang menggunakan aplikasi ini. Dari sudut pembangun, dapat dilihat al-Hikmah merupakan unsur yang penting dari aspek para pembangun menyusun strategi dan menetapkan target yang perlu dicapai seperti yang disebutkan oleh ketua pembangun dalam sesi temu bual yang dijalankan. Empat elemen yang disebut dalam mempelajari aplikasi ini tadi memperlihatkan bentuk al-Hikmah yang mana ianya menyentuh kebijaksanaan mereka dalam pemikiran secara bernas, merancang dan membangun aplikasi ini secara strategik bagi memastikan komuniti OKU pendengaran dapat mempelajari dan memahami al-Quran. Menurut ketua pembangun aplikasi ini juga, pengguna aplikasi ini iaitu komuniti OKU pendengaran perlu menyertai kursus pengajaran asas Quran Isyarat.

“Sebelum memuat turun aplikasi ini mereka diberikan latihan khusus pengajaran asas Quran Isyarat. Kita ada buat kursus, Kursus Asas Quran Isyarat. Kita sudah lahirkan 12 orang pekak yang boleh menjadi guru mengajar Quran isyarat, kursus yang memperkenalkan huruf-huruf dalam al-Quran, maknanya, untuk mempelajari Quran isyarat bukan sekadar menghafal kod-kod dan boleh baca, namun perlu ada kursus untuk mereka tahu kaedah yang sebenar untuk mengajar al-Quran.”

(Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee, int_21_May2024)

Ini bertujuan untuk memperkenalkan kaedah khusus yang akan digunakan oleh komuniti OKU pendengaran dalam mempelajari al-Quran. Ini memperlihatkan nilai al-Hikmah dari sudut pengguna aplikasi ini pula yang mana mereka perlu menggunakan nilai kebijaksanaan untuk memahami aplikasi ini. Tambahan pula, mereka perlu melalui kursus latihan Kod Tangan Quran (KTQ).

Secara keseluruhannya, penerapan nilai al-Hikmah dalam aplikasi Quran Isyarat USIM menunjukkan bagaimana kebijaksanaan dapat digunakan untuk mengatasi cabaran dan memenuhi keperluan khusus komuniti OKU pendengaran. Ini sejajar dengan pandangan Imam al-Ghazali, di mana kebijaksanaan melibatkan kemampuan mengurus dengan baik, berfikir secara bernas, dan membuat jangkaan yang tepat, serta merancang dan melaksanakan strategi dengan bijaksana. Aplikasi ini bukan sahaja membantu komuniti OKU pendengaran untuk mempelajari dan memahami al-Quran, tetapi juga menunjukkan bagaimana kebijaksanaan dapat digunakan untuk mencapai kejayaan dan kebahagiaan yang sejati.

3.2.2 Nilai al-'Adlu (keadilan) di dalam Aplikasi Quran Isyarat USIM

Berdasarkan pelarasan nilai al-'Adlu dan juga hasil temu bual bersama ketua pembangun aplikasi ini mendapati terdapat beberapa tema yang mengandungi nilai-nilai murni dalam kehidupan seseorang. Yang pertama adalah tidak bersikap pilih kasih atau berat sebelah, mempertimbangkan sesuatu dengan saksama dan meletakkan sesuatu pada tempatnya. Nilai-nilai ini sendiri ditonjolkan secara jelas melalui bagaimana keperluan penghasilan Aplikasi Quran Isyarat ini sendiri, yang mana sudah pastinya aplikasi Quran yang memberi akses kemudahan membaca dan memahami al-Quran walau di mana sahaja kepada seluruh kelompok manusia sudah banyak di perkenalkan, namun untuk melahirkan nilai al-'Adlu dalam aplikasi Quran khas buat OKU pendengaran ini sahaja yang satu-satunya telah dibangunkan dengan menggunakan Kod Tangan Quran (KTQ).

“Yang paling penting sekarang ini, mesej yang diberikan kepada masyarakat, kalau kata pendidikan itu untuk semua “Education for All” termasuklah pendidikan al-Quran. Quran ini bukan diturunkan kepada sesetengah golongan, tapi Quran ini (رحمة للعالمين), bila kita kata (رحمة للعلمين) semua makhluk Allah SWT mendapat manfaat al-Quran sama ada makhluk berbentuk binatang, tumbuhan apatah lagi manusia. Jadi, kita tak boleh kata dia ni buta tak boleh belajar al-Quran, dia ni pekak tak boleh baca al-Quran, Autism tak boleh belajar al-Quran. Tidak. Al-Quran ini untuk semua, ada kaedah-kaedah yang kita bawakan dan bila kita duduk bersama dengan mereka baru kita tahu ada keunikan dalam cara mereka mempelajari al-Quran.”

(Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee, int_21_May2024)

Pernyataan Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee menonjolkan sifat al-'Adlu (keadilan) dalam aplikasi Quran Isyarat USIM dengan menegaskan bahawa pendidikan al-Quran adalah untuk semua, tanpa mengira keadaan fizikal atau mental. Aplikasi ini mencerminkan keadilan dengan menyediakan akses dan kaedah pengajaran khusus untuk memenuhi keperluan unik setiap individu, termasuk mereka yang buta, pekak, atau autistik. Dengan menekankan bahawa al-Quran adalah rahmat untuk seluruh alam, aplikasi ini memastikan semua makhluk mendapat manfaatnya secara adil dan saksama, sejajar dengan prinsip inklusiviti dan keadilan dalam Islam.

OKU pendengaran seperti yang diketahui, mereka ini menggunakan visual dalam semua perkara berbeza dengan golongan OKU yang lain, mereka masih boleh mendengar untuk memahami dan mempelajari sesuatu perkara namun OKU pendengaran mereka hanya menggunakan deria mata mereka iaitu melalui visual sebagai cara mereka memahami sesuatu. Aplikasi ini memperlihatkan bagaimana timbangan keperluan kepada komuniti OKU pendengaran diketengahkan untuk menggunakan isyarat tangan sebagai sumber mereka memahami dan mempelajari sesuatu perkara.

Menurut ketua pembangun aplikasi Quran Isyarat ini, ia menyediakan dua kaedah membaca dan memahami al-Quran melalui terjemahan yang khusus untuk komuniti pekak. Kaedah isyarat Kod Tangan Quran (KTQ) bagi golongan pekak tanpa suara dan kaedah transliterasi makhranj bagi golongan pekak yang boleh bersuara.

“Dan kalau dilihat dalam konteks, dalam tilawah ada dua kaedah iaitu dengan pembacaan melalui kaedah isyarat Kod Tangan Quran (KTQ) dan melalui transliterasi makhranj, terjemahan pun ada video bahasa isyarat dan ada video terjemahan untuk tipikal dan juga untuk mesra OKU pendengaran.”

(Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee, int_21_May2024)

Ini mencerminkan prinsip al-‘Adlu dengan menyediakan pendekatan yang sesuai untuk keperluan berbeza dalam komuniti OKU pendengaran. Keadilan dalam pendidikan tercapai apabila setiap individu, tanpa mengira kekurangan mereka, mempunyai akses yang sama kepada pembelajaran al-Quran. Penggunaan rakaman video untuk terjemahan mesra OKU menunjukkan usaha yang teliti dalam memastikan setiap aspek penyampaian maklumat adalah adil dan seimbang. Ini memberi manfaat kepada mereka yang mungkin menghadapi kesukaran dengan teks sahaja, memastikan mereka tetap mendapat pemahaman yang sama.

Hasil temu bual ini menunjukkan bahawa aplikasi Quran Isyarat mematuhi nilai al-‘Adlu menurut Imam al-Ghazali dengan menyediakan pendekatan pembelajaran yang adil dan seimbang untuk komuniti OKU pendengaran. Dengan memastikan akses yang sama kepada pendidikan al-Quran dan menggunakan kaedah yang sesuai untuk keperluan berbeza, aplikasi ini menegakkan prinsip keadilan dalam pendidikan. Aplikasi ini bukan sahaja memberi peluang yang sama kepada semua pengguna untuk mempelajari al-Quran tetapi juga memastikan bahawa kaedah penyampaian maklumat adalah berkesan dan adil, selaras dengan prinsip al-‘Adlu yang dituntut dalam Islam.

3.2.3 Nilai al-Syaja’ah di dalam Aplikasi Quran Isyarat USIM

Aplikasi Quran Isyarat USIM mempamerkan nilai al-Syaja’ah (keberanian) secara terus dengan adanya pengiktirafan sebagai aplikasi Quran Isyarat pertama yang diperkenalkan di Malaysia.

“Kalau dilihat dalam menu di bahagian pengiktirafan aplikasi ini telah diiktiraf Malaysian Books of Record, terkini pada tahun 2023 kita dapat kelulusan penyelarasan penggunaan isyarat kod tangan daripada Lembaga Pengawalan, Perlesenan dan Pencetakan al-Quran, Kementerian Dalam Negeri (KDN). Kod yang digunakan ini mengikut standard Bahasa Isyarat Malaysia.”

(Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee, int_21_May2024)

Aplikasi Quran Isyarat USIM mempamerkan nilai al-Syaja’ah (keberanian) melalui pengiktirafannya sebagai aplikasi Quran Isyarat pertama di Malaysia, menunjukkan keberanian dalam meneroka dan menetapkan standard baharu. Menurut Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee, aplikasi ini telah diiktiraf oleh Malaysian Books of Records dan pada tahun 2023, ia menerima kelulusan penyelarasan penggunaan isyarat kod tangan daripada Lembaga Pengawalan, Perlesenan, dan Pencetakan al-Quran, Kementerian Dalam Negeri (KDN). Kod yang digunakan dalam aplikasi ini mengikut standard Bahasa Isyarat Malaysia. Pengiktirafan ini bukan sahaja mencerminkan keberanian aplikasi dalam memperkenalkan inovasi yang belum pernah dilakukan sebelumnya, tetapi juga komitmen teguh untuk menyediakan pendidikan al-Quran yang inklusif dan boleh diakses oleh golongan kurang upaya. Keberanian ini memperlihatkan usaha gigih dan dedikasi USIM dalam mengatasi cabaran serta memperluas akses kepada ilmu al-Quran bagi semua lapisan masyarakat. Aplikasi ini juga memperlihatkan keberanian para pembangun dan pihak yang terlibat di dalam pembangunan aplikasi Quran Isyarat ini mengeluarkan sesuatu yang luar dari kebiasaan yang biasanya aplikasi tersebut tidak bersifat mesra OKU pekak sekaligus menghapuskan jurang untuk mereka ini merasai nikmat dan keindahan membaca dan memahami al-Quran itu sendiri. Nilai al-Syaja’ah juga turut ada dalam diri para pengguna aplikasi ini kerana mereka mencuba perkara yang baharu yang belum didapati di mana-mana aplikasi Quran yang lain. Mereka berusaha untuk mempelajarinya dengan menghadirkan diri dalam kursus khas untuk Kod Tangan Quran sebelum mengajarkan mereka yang lain menggunakan aplikasi ini.

Elemen al-Syaja’ah ini bukan sahaja menjurus kepada sifat keberanian itu sahaja namun di dalam nilai ini sendiri mengandungi konsep yang sejajar dengannya iaitu konsep saling mengasihani (التودد)

antara satu sama lain. Berbalik kepada hasil temu bual dengan Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee mendapati bahawa inspirasi pertama dalam pembangunan Quran Isyarat USIM ini adalah memenuhi permintaan komuniti pekak untuk memberi ruang kepada mereka turut merasai pengalaman mempelajari al-Quran dan memahaminya seperti manusia biasa. Atas nilai kasih sayang dalam diri para pembangun, mereka berjaya membangunkan aplikasi Quran Isyarat ini sehingga sudah ramai pengguna memberikan respon yang baik serta pengiktirafan oleh negara atas keberkesanan aplikasi ini. Konsep kasih sayang ini juga termasuk bagaimana perjalanan susun atur aplikasi ini sebelum komuniti OKU pendengaran dilepaskan menggunakan aplikasi ini tanpa pantauan daripada pihak yang terlibat dalam pembangunan aplikasi ini. Seperti yang sudah dinyatakan oleh temu bual yang sebelumnya, para pengguna termasuk komuniti OKU pendengaran ini akan diberikan kursus pengajaran asas Quran Isyarat oleh pihak pembangun. Hasilnya terdapat 12 orang guru di kalangan komuniti pekak yang terlatih dan mampu mengajar Quran Isyarat menggunakan Kod Tangan Quran (KTQ) khusus untuk aplikasi ini. Nilai al-Syaja'ah inilah menjadikan nilai kasih-sayang menjadi asas utama kepada pembangunan Quran Isyarat USIM.

“Kita sudah lahirkan 12 orang pekak yang boleh menjadi guru mengajar Quran isyarat, kursus yang memperkenalkan huruf-huruf dalam al-Quran. Maknanya untuk mempelajari Quran isyarat bukan sekadar menghafal kod-kod dan boleh baca namun perlu ada kursus untuk mereka tahu kaedah yang sebenar untuk mengajar al-Quran.”

(Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee, int_21_May2024)

Secara keseluruhan, nilai al-Syaja'ah dalam aplikasi Quran Isyarat USIM bukan sahaja menunjukkan keberanian dalam tindakan dan inovasi tetapi juga menekankan kepentingan saling mengasihani dan memberi sokongan. Ini selaras dengan konsep yang diketengahkan oleh Imam al-Ghazali, di mana keberanian tidak terpisah dari kebijaksanaan, kasih sayang, dan keprihatinan terhadap kesejahteraan sesama manusia. Aplikasi ini bukan sahaja membawa manfaat kepada komuniti OKU pendengaran, tetapi juga menghapuskan jurang antara mereka dengan masyarakat umum dalam menikmati keindahan dan kefahaman Al-Quran.

3.2.4 Nilai al-'Iffah di dalam Aplikasi Quran Isyarat USIM

Al-'Iffah (Kesucian) adalah mendidik kekuatan syahwat dengan bimbingan akal dan syarak, sentiasa memelihara serta menjauhi diri daripada perbuatan maksiat dan perbuatan yang sia-sia yang tidak memberikan manfaat kepada diri sendiri dan juga orang lain. Bentuk al-'Iffah yang cuba diketengahkan melalui pembangunan aplikasi ini adalah saling bantu- membantu antara sesama pihak dan bekerjasama (المساعدة) dan bersifat wara' dan menjauhi perkara yang sia-sia (الورع). Secara amnya, dapat dilihat nilai al-'Iffah ini dari awal pencetusan idea untuk membangunkan aplikasi Quran Isyarat ini sendiri, yang mana pihak pembangun mendapat permintaan daripada komuniti OKU pendengaran untuk menghasilkan aplikasi yang mudah dan berkesan untuk golongan mereka mempelajari dan memahami al-Quran. Pernyataan ini merujuk kepada respon ketua pembangun aplikasi ini di dalam sesi temu bual yang telah dijalankan, beliau berkata:

“Tercetusnya inspirasi membangunkan aplikasi ini, pertamanya adalah permintaan daripada komuniti OKU pendengaran itu sendiri, bagaimana cara sebenarnya untuk memberi ruang dan peluang kepada OKU pendengaran. Elemen ini yang kita lihat daripada apa yang nabi Muhammad SAW selepas penurunan surah 'Abasa iaitu teguran kepada Baginda. Apabila turunnya surah 'Abasa ini, Nabi bertemu dengan Abdullah Ibnu Maktum, apa yang nabi buat adalah bertanya apakah hajat tuan. Apa yang ingin kita sebut, bagaimana terinspirasi untuk membangunkan aplikasi ini adalah

hajat daripada mereka dan bagaimana cara yang sesuai dengan ketidakupayaan mendengar dan membaca dengan suara.”

(Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee, int_21_May2024)

Dengan adanya nilai al-‘Iffah, ia telah menggabungkan kerjasama dari pelbagai pihak dalam menjayakan pembangunan aplikasi Quran Isyarat ini. Jika tiadanya Kerjasama, mana mungkin hanya satu pihak sahaja dapat membangunkan aplikasi kerana ia memerlukan sudut pandang bukan sahaja dari golongan cerdik pandai bahkan golongan sasaran ini juga iaitu komuniti OKU pendengaran untuk melibatkan diri. Ini menunjukkan setiap golongan itu sendiri mempunyai keistimewaan sendiri yang boleh disumbangkan untuk menjayakan aplikasi ini.

Dalam bentuk wara’ dan menjauhi perkara sia-sia pula, dapat diambil daripada hasil temu bual yang telah dinyatakan di dalam perenggan yang sebelumnya, bersama tuntutan untuk membangunkan aplikasi Quran Isyarat ini juga salah satunya adalah dengan memahami surah ‘Abasa yang merupakan teguran kepada Nabi SAW ketika pertemuan baginda dengan seorang sahabat yang buta iaitu Abdullah Ibnu Maktum. Ini memperlihatkan pihak pembangun wara’ dengan mendekati tugas ini dengan kesungguhan dan keikhlasan yang tinggi bagi memastikan aplikasi ini mematuhi prinsip-prinsip Islam dan membantu komuniti OKU pendengaran memahami al-Quran. Pendekatan yang diambil oleh pembangun aplikasi, seperti penggunaan bahasa isyarat yang tepat dan terjemahan yang sesuai, menunjukkan komitmen untuk menghindari perkara yang sia-sia. Setiap elemen dalam aplikasi ini mempunyai tujuan yang jelas dan signifikan, memastikan bahawa pengguna tidak terlibat dalam aktiviti yang tidak bermanfaat. Aplikasi ini bukan sahaja menyediakan platform untuk pembelajaran al-Quran, tetapi juga memastikan bahawa pendekatan yang digunakan adalah bersih, bermakna, dan membawa manfaat yang nyata kepada penggunanya, selaras dengan konsep wara’ dan menjauhi perkara yang sia-sia.

4. Perbincangan

Berdasarkan objektif pertama iaitu menganalisis konsep nilai menurut Imam al-Ghazali, nilai adalah penting bagi manusia dalam membentuk keperibadian seseorang. Dari perspektif Islam, nilai ditakrifkan sebagai ukuran kepada manusia untuk menilai kualiti sesuatu perkara sama ada perbuatan atau perkataan itu baik, bermanfaat atau buruk (Abdullah, 2017). Tambahan lagi, elemen nilai amat ditekankan dalam al-Quran dan Hadis supaya umat Islam menerapkan nilai dalam diri mereka. Sebagai contoh, ayat 13 surah al-Hujurat, firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ

عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu). (Surah al-Hujurat 49:13)

Ayat ini menekankan bahawa taqwa dan kesederajatan adalah ukuran utama kemuliaan seseorang di sisi Allah SWT. Nabi Muhammad SAW turut memberi penekanan terhadap nilai-nilai seperti kasih sayang, persaudaraan, dan keadilan sepertimana yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, daripada Anas bin Malik Ra, bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

“Tidak beriman (sempurna iman) seseorang itu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri.”

(Al-Bukhari, Kitab Iman, Bab Iman ialah dia mencintai untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya sendiri (1/14), No. 13)

Seseorang yang benar-benar beriman perlu mencintai saudaranya seperti dia mencintai dirinya sendiri. Agama Islam mengajar umatnya untuk berkasih sayang antara satu sama lain sepanjang masa, dan agama ini menyokong setiap perkara yang boleh mendorong sifat ini. Dalam sirah perjuangan Baginda SAW juga mempunyai contoh teladan dalam menerapkan nilai-nilai Islam. Pelbagai peristiwa yang berlaku di mana Baginda SAW menunjukkan nilai kepimpinan, kejujuran, keberanian, dan kasih sayang. Sebagai contoh, sewaktu peristiwa perjanjian Hudaibiyah, Baginda SAW berunding demi mendapatkan kepentingan umat Islam walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan halangan. Perjanjian ini yang berlaku pada tahun 6 Hijrah ketika Rasulullah SAW dan para sahabat menuju ke Makkah untuk umrah tetapi dihalang oleh puak Quraisy. Kedua-dua pihak berunding dan mencapai perjanjian damai. Rasulullah SAW menunjukkan fleksibiliti dengan menerima perubahan dalam teks perjanjian, seperti menukar perkataan basmalah pada perjanjian tersebut. Walaupun perubahan ini mengecewakan umat Islam, Rasulullah SAW memahami kepentingan jangka panjangnya. Perjanjian ini membawa tempoh damai selama 10 tahun antara umat Islam dan puak Quraisy, menunjukkan pentingnya fleksibiliti dan kebijaksanaan dalam perundingan (Norhayati Rafida, 2012). Selain itu, peristiwa Maulidur Rasul yang merupakan sebahagian daripada usaha dakwah Islam. Ia bertujuan untuk mendidik, mengajar dan mengingatkan orang Islam untuk menghargai apa yang diberikan oleh Allah SWT. Salah satu pengajaran tersirat yang boleh diperolehi daripada mengingat perjuangan Rasulullah SAW sebagai pesuruh Allah dalam menegakkan nilai Islam dan sebagai nabi dan Rasul terakhir (Zainuddin, Dr. N., n.d.).

Melalui dapatan kajian, Imam al-Ghazali menggambarkan nilai sebagai prinsip-prinsip yang mengawal cara manusia bertindak untuk mencapai kebaikan dan kesempurnaan. Menurut kitab *Ihya' Ulum ad-Din*, Imam al-Ghazali menggariskan empat prinsip yang membentuk akhlak atau nilai: al-Hikmah, yang bermaksud kebijaksanaan; al-'Adl, yang bermaksud keadilan; al-Syaja'ah, yang bermaksud keberanian; dan akhir sekali, al-'Iffah, yang bermaksud kesucian (Marzuki, 2017). Dari perspektif Ibn Sina pula, etika dan akhlak membincangkan baik dan buruk perilaku manusia. Etika Islam, yang berasal dari wahyu Tuhan dan diterapkan oleh Rasul-Nya, sering dikaitkan dengan akhlak (Agustina, 2023). Dalam sejarah peradaban Barat, proses perkembangan masyarakat telah mempengaruhi sistem nilai, norma dan kepercayaan. Dipercayai bahawa nilai-nilai murni, norma dan kepercayaan yang berasal daripada nilai-nilai tertinggi boleh membantu manusia membentuk kerangka tingkah laku untuk mencapai objektif seperti harga diri, identiti diri, keseimbangan hidup dan kesejahteraan manusia. Oleh itu, proses yang digunakan untuk mencapai matlamat mendorong masyarakat untuk membangunkan dan menggubal peraturan yang berkaitan dengan prinsip etika moral. (Abdullah, 2017). Menurut Taylor, nilai terdiri daripada gabungan elemen darjah dan nilai normatif yang membentuk asas kehidupan manusia (Paul W. Taylor, 1961). Menurut Mukerjee pula, kodifikasi etika moral, yang berfungsi sebagai asas sistem nilai, berfungsi sebagai alat dan garis panduan untuk tingkah laku manusia mengikut norma yang ditetapkan oleh masyarakat (Mukerjee, 1965). Hal ini dapat dilihat daripada perspektif Imam al-Ghazali, ajaran yang terkandung dalam al-Quran dan Hadis, dan contoh daripada kehidupan Nabi Muhammad SAW bahawa nilai-nilai etika dan akhlak dalam Islam membentuk asas untuk kehidupan yang baik dan diredhai Allah. Jika dibandingkan dengan perspektif Barat, ia akan memberikan pemahaman yang lebih luas tentang cara

nilai-nilai ini berfungsi dalam pelbagai konteks. Secara keseluruhan, objektif pertama ini menunjukkan bahawa konsep nilai dalam Islam adalah luas dan penting untuk membentuk individu dan masyarakat yang berakhlak mulia terutamanya dalam pembangunan aplikasi ini.

Berdasarkan objektif kedua iaitu mengkaji elemen nilai yang diterapkan dalam Aplikasi Quran Isyarat USIM, pengkaji berpandangan bahawa aplikasi ini dibangunkan dengan menerapkan elemen nilai yang diutamakan dalam Islam bagi membantu dan memudahkan komuniti OKU pendengaran untuk mempelajari al-Quran. Terdapat empat elemen nilai menurut Imam al-Ghazali yang menjadi rujukan dan terkandung dalam aplikasi ini. Melalui analisis, terdapat elemen al-Hikmah dalam aplikasi ini seperti ketajaman akal fikiran (ثقافة الرأي), berfikiran bernas (جودة الذهن), jangkauan yang tepat (إصابة الظن), dan kebijaksanaan mengatur (حسن التدبير). Melalui aplikasi ini, elemen ini digunakan dalam pembelajaran dan pemahaman al-Quran. Menurut Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee menyatakan bahawa:

“Kalau Quran kita tidak boleh lari dari empat elemen, kalau kita rujuk kepada surah al-Qiyamah ayat 16-19, isyarat pertamanya adalah mengenal kalau untuk golongan OKU pendengaran ini bagaimana untuk memperkenalkan Quran itu kepada mereka. Keduanya bagaimana kita mahu memberi mereka menghafal al-Quran ini dan ketiganya barulah kita ajar mereka membacanya dan akhirnya bagaimana untuk memahaminya. Dan dalam empat-empat proses pembelajaran Quran menurut suruh al-Qiyamah ini kita gabungkan cuma kita keluarkan yang besarnya bagaimana kaedah Tilawah dan kaedah memahami.”

(Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee, int_21_May2024)

Elemen al-Hikmah ini menunjukkan kebijaksanaan dalam mengajar al-Quran kepada mereka, serta kepada pembangun aplikasi ini, yang merancang dan menetapkan objektif secara strategik. Untuk memahami dan menggunakan Kod Tangan Quran (KTQ), kursus pengajaran asas Quran Isyarat diperlukan. Kursus ini menekankan nilai kebijaksanaan dalam memahami dan menggunakan aplikasi ini. Aplikasi ini juga mempunyai banyak ciri fizikal yang meningkatkan pengalaman pengguna, terutamanya untuk komuniti OKU pendengaran. Ia mempunyai antara muka pengguna yang mesra OKU, dengan ikon besar dan teks yang jelas, dan kod warna yang memudahkan navigasi. Ini mencerminkan nilai al-Hikmah (kebijaksanaan) dalam memanfaatkan reka bentuk yang sesuai untuk keperluan pengguna OKU. Tambahan lagi, elemen interaktif seperti kuiz dan latihan dalam aplikasi ini meningkatkan pemahaman dan memori pengguna. Sehubungan dengan itu, terdapat juga beberapa aplikasi al-Quran yang lain dibina dengan menerapkan elemen interaktif juga untuk memudahkan pembelajaran al-Quran seperti Aplikasi Juz Amma Anak (Tahun 2020). Aplikasi ini direka sesuai dengan kanak-kanak untuk menggunakannya iaitu pembangun menggunakan latar belakang, ikon, dan butang yang berwarna-warni. Pembangun juga membahagikan kandungan aplikasi ini kepada dua kategori utama, iaitu al-Quran, yang mempunyai ikon buku, dan juga kategori ujian, yang mempunyai ikon tulisan “Menguji”. Ia mengandungi terjemahan, tulisan latin, dan ayat-ayat dalam bahasa Arab. (Nuril Ham Al Hafizah Zahari, 2021). Walaubagaimanapun, aplikasi ini dicipta khas untuk kanak-kanak tetapi kurang mesra untuk komuniti OKU pendengaran.

Seterusnya, nilai al-‘Adlu (keadilan) juga ditunjukkan oleh aplikasi Quran Isyarat USIM yang bermaksud kesamarataan dan keseimbangan dalam setiap perkara agar tidak melampaui batas dan sentiasa berpandukan prinsip-prinsip yang benar menurut akal dan agama (Marzuki, 2017). Dengan mengaitkan nilai al-‘Adlu dan keputusan temu bual dengan ketua pembangun aplikasi ini, Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee, terdapat beberapa tema dalam kehidupan yang mengandungi nilai murni selaras dengan pandangan Imam al-Ghazali. Yang pertama ialah mempertimbangkan sesuatu

dengan saksama, tidak bersikap pilih kasih, dan meletakkan sesuatu pada tempatnya. Perkembangan Aplikasi Quran Isyarat, yang direka untuk OKU pendengaran menggunakan Kod Tangan Quran (KTQ), menunjukkan nilai ini. Pembangun menyatakan bahawa al-Quran diturunkan untuk semua manusia, mereka juga harus diberi peluang untuk mempelajari dan memahami al-Quran dengan cara yang sesuai dengan keperluan mereka. Berbeza dengan orang OKU lain yang masih boleh mendengar, OKU pendengaran menggunakan visual dalam semua aspek kehidupan mereka. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma pada platform Android dan iOS, menjadikannya mudah dan bebas untuk semua pengguna tanpa sebarang kos. Ini adalah tindakan yang adil (al-'Adlu), yang bertujuan untuk memastikan pembelajaran al-Quran tersedia untuk semua orang, tanpa mengira kedudukan kewangan mereka. Sebagaimana Allah berfirman di dalam al-Quran bahawa:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ عَنِيًّا أَوْ فَكِيرًا فَإِنَّهُ أَوْلَىٰ بِمِثْمَلِكُمْ فَلا تَتَّبِعُوا الْهَوَىَٰ أَن تَعْدِلُوا ۗ وَإِن تَلُؤْا أَوْ تُعْرِضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٣٥﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

(Surah an-Nisa 4:135)

Nilai al-Syaja'ah (keberanian) juga ditunjukkan oleh aplikasi Quran Isyarat USIM. Menurut Imam al-Ghazali, al-Syaja'ah bermaksud membentuk kemuliaan diri seseorang, keberanian, kebijaksanaan dan kepantasan, keperkasaan, keupayaan mengalahkan nafsu, andaian, dan khayalan, pendirian teguh, belas kasihan, kehormatan, serta keupayaan menahan kemarahan (Marzuki, 2017). Allah SWT sudah memerintahkan hambanya untuk berani melakukan sesuatu kerana kebenaran sepertimana termaktub di dalam al-Quran iaitu:

﴿ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

Dan janganlah kamu merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan janganlah kamu berdukacita (terhadap apa yang akan menimpa kamu), padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan) jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman.

(Surah Ali Imran 3:139)

Aplikasi ini menunjukkan transliterasi makhraj, kod Hijaiyyah, dan teks ayat al-Quran dengan bantuan jurubahasa isyarat. Hal ini menunjukkan keberanian (al-Syaja'ah) dalam menggabungkan pelbagai jenis media untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran yang menyeluruh dan berkesan bagi pengguna OKU pendengaran. Aplikasi ini menunjukkan betapa pentingnya untuk menyediakan alat bantu yang memenuhi keperluan mereka untuk membolehkan mereka memahami dan mempelajari al-Quran melalui isyarat tangan. Keberanian para pembangun mencipta sesuatu yang baru dan sesuai untuk memenuhi keperluan OKU pendengaran dalam mempelajari al-Quran adalah bukti komitmen mereka. Aplikasi ini bukan sahaja menyediakan akses al-Quran kepada mereka tetapi juga memupuk nilai-nilai keberanian seperti yang ditunjukkan oleh pengiktirafan dari Malaysia

Book of Records dan kelulusan dari Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan. Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee menyatakan bahawa:

“Kalau dilihat dalam menu di bahagian pengiktirafan, aplikasi ini telah diiktiraf Malaysian Books of Record, terkini pada tahun 2023, kita dapat kelulusan penyelarasan penggunaan isyarat kod tangan daripada Lembaga Pengawalan, Perlesenan dan Pencetakan al-Quran, Kementerian Dalam Negeri (KDN). Kod yang digunakan ini mengikut standard bahasa isyarat Malaysia.”

(Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee, int_21_May2024)

Aplikasi ini membolehkan OKU pendengaran untuk membaca dan memahami al-Quran seperti orang lain. Dengan adanya kursus Kod Tangan Quran (KTQ) khas sebelum menggunakan aplikasi ini, menunjukkan keberanian pengguna. Nilai al-Syaja'ah bukan sahaja terdiri daripada keberanian tetapi juga daripada konsep saling mengasihani, atau (التودد). Hasil daripada temu bual dengan Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee menunjukkan bahawa:

“Kita sudah lahirkan 12 orang pekak yang boleh menjadi guru mengajar Quran isyarat, kursus yang memperkenalkan huruf-huruf dalam al-Quran. Maknanya untuk mempelajari Quran isyarat bukan sekadar menghafal kod-kod dan boleh baca, namun perlu ada kursus untuk mereka tahu kaedah yang sebenar untuk mengajar al-Quran.”

(Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee, int_21_May2024)

Seperti yang dijanjikan oleh Allah SWT, tindakan mendidik dan melatih komuniti OKU pendengaran untuk menjadi guru bukan sahaja menunjukkan iman dan soleh tetapi menanam kasih sayang dalam hati orang ramai. Melalui usaha ini aplikasi Quran Isyarat USIM tidak hanya membantu komuniti OKU pendengaran mempelajari agama tetapi juga menanamkan rasa kasih sayang dan belas kasihan dalam masyarakat, yang selaras dengan prinsip kasih sayang Islam. Ini selari dengan ayat al-Quran dari Surah Maryam yang menyatakan bahawa:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا ﴿٩٦﴾

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Allah yang melimpah-limpah rahmatnya akan menanamkan bagi mereka dalam hati orang ramai perasaan kasih sayang.

(Surah Maryam 19:96)

Seterusnya, dalam aplikasi ini, al-'Iffah atau kesucian adalah bermaksud mendidik syahwat mengikut arahan syarak dan akal, serta menjauhkan diri daripada perbuatan tidak berguna dan maksiat. Nilai al-'Iffah ini ditunjukkan melalui saling membantu dan bersifat wara'. Permintaan untuk mempelajari al-Quran daripada komuniti OKU pendengaran mendorong penciptaan aplikasi ini pada mulanya. Untuk mencipta aplikasi yang berkesan, nilai al-'Iffah bekerjasama dengan pelbagai pihak, termasuk golongan OKU pendengaran sendiri. Menurut Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee, surah 'Abasa menjadi inspirasi dan beliau berasa bertanggungjawab untuk membangunkan aplikasi ini dengan penuh kesungguhan dan dengan cara yang sesuai dengan prinsip Islam. Penggunaan bahasa isyarat dan terjemahan yang betul menunjukkan komitmen untuk mengelakkan perkara yang sia-sia. Setiap huruf dan ayat dalam al-Quran mempunyai video isyarat tangan yang disertakan dalam aplikasi ini, yang membantu pengguna membaca dengan betul. Ini membantu menjaga kesucian (al-'Iffah) dan kemurnian bacaan al-Quran. Setiap bahagian dalam aplikasi ini mempunyai fungsi yang jelas dan penting untuk memastikan pengguna terlibat dalam aktiviti yang menyenangkan. Aplikasi ini menyediakan platform yang berguna dan bermakna untuk

belajar al-Quran, yang selaras dengan idea wara' dan mengelak daripada melakukan perkara yang sia-sia. Sebagaimana termaktub di dalam al-Quran pada Surah al-An'am:

﴿۳۲﴾ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا لَعِبٌ وَهْوٌ ۖ وَلَلدَّارُ الْآخِرَةُ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يَتَّقُونَ ۗ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Dan tidak (dinamakan) kehidupan dunia melainkan permainan yang sia-sia dan hiburan yang melalaikan: dan demi sesungguhnya negeri akhirat itu lebih baik bagi orang-orang yang bertaqwa. Oleh itu, tidakkah kamu mahu berfikir?

(Surah al-An'am 6:32)

Secara keseluruhan, perbincangan ini menunjukkan bahawa konsep nilai dalam Islam adalah menyeluruh dan sangat penting untuk membina individu dan masyarakat yang berakhlak mulia. Hal ini berkaitan dengan pembangunan aplikasi pendidikan yang menyampaikan mesej moral dan etika Islam kepada komuniti OKU pendengaran. Aplikasi ini menjadikannya bukan sahaja alat untuk mengajar tetapi juga cara untuk memperkasakan nilai Islam. Terdapat empat elemen nilai utama yang digabungkan dalam Aplikasi Quran Isyarat USIM, menurut Imam al-Ghazali: al-Hikmah (kebijaksanaan), al-'Adlu (keadilan), al-Syaja'ah (keberanian), dan al-'Iffah (kesucian). Aplikasi ini membantu komuniti OKU pendengaran mempelajari al-Quran dengan baik dengan menggunakan kebijaksanaan reka bentuk dan fungsinya. Keadilan ditunjukkan dengan memberikan akses percuma kepada semua pengguna, manakala keberanian ditunjukkan dengan mencipta cara untuk memahami al-Quran melalui bahasa isyarat. Dengan memastikan setiap aspek aplikasi mematuhi prinsip Islam dan membantu pengguna membaca dan memahami al-Quran dengan betul, kesucian dilindungi. Secara keseluruhan, aplikasi ini membantu orang cacat pendengaran mempelajari al-Quran dan memperkukuhkan nilai Islam semasa proses itu. Harapannya, aplikasi ini akan terus berkembang dan memberi inspirasi kepada lebih ramai individu OKU pendengaran untuk mendalami ilmu al-Quran, serta menjadi model bagi pembangunan aplikasi pendidikan Islam yang inklusif dan holistik pada masa hadapan.

5. Kesimpulan

Kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis konsep nilai menurut Imam al-Ghazali dan mengkaji elemen nilai yang diterapkan dalam Aplikasi Quran Isyarat USIM. Analisis menunjukkan bahawa aplikasi ini menunjukkan penerapan yang kukuh terhadap nilai-nilai Imam al-Ghazali iaitu kebijaksanaan (al-Hikmah), keberanian (al-Syaja'ah), kesucian (al-'Iffah), dan keadilan (al-'Adlu). Aplikasi ini menggunakan teknologi canggih untuk membantu orang cacat pendengaran membaca dan memahami al-Quran. Ia mempunyai antara muka yang mudah digunakan dan integrasi media visual yang jelas. Usaha berani USIM untuk mencipta aplikasi pertama di Malaysia menunjukkan komitmen mereka untuk menyediakan penyelesaian baru untuk keperluan khusus. Untuk memastikan bahawa bacaan al-Quran adalah benar dan tepat, terdapat elemen nilai kesucian yang digunakan melalui pembuatan video isyarat tangan menggunakan Kod Tangan Quran (KTQ). Akhir sekali, aplikasi ini memastikan keadilan dalam pendidikan agama dengan menyediakan akses percuma dan membolehkan semua lapisan masyarakat, tanpa mengira status kewangan, untuk menggunakannya. Secara keseluruhannya, Aplikasi Quran Isyarat yang dibangunkan oleh USIM bukan sahaja membantu komuniti OKU pendengaran tetapi juga menggalakkan nilai-nilai Islam yang baik, selaras dengan prinsip nilai menurut Imam al-Ghazali. Ini menunjukkan bahawa nilai-nilai Islam boleh digunakan bersama-sama dengan penggunaan teknologi moden untuk mempunyai kesan positif yang ketara terhadap masyarakat. Oleh itu, pembangunan aplikasi Quran untuk golongan OKU dapat diperbanyakkan bagi memudahkan mereka mempelajari dan memahami al-Quran. Namun, elemen

nilai haruslah diterapkan bukan sahaja dalam pembangunan aplikasi bahkan di dalam kehidupan seharian seseorang individu juga.

6. Rujukan

Al-Quran al-Karim

Al-Bukhari, Kitab Iman, Bab Iman ialah dia mencintai untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya sendiri (1/14), No. (13), dan Muslim, Kitab Iman, Bab Dalil bahawa antara sifat-sifat iman ialah dia mengasihi saudaranya yang muslim seperti yang dia cintai untuk dirinya dari kebaikan (1/67), No.: (45)

Abdullah, S. (2017). *Dinanisme Nilai-nilai Murni Menurut Perspektif Islam*. Kangar: Universiti Malaysia Perlis.

Agustina. (2023). Revolusi Etika Politik: Teori Filsafat Kontemporer . *Journal of History Studies Universitas Jambi*, 57.

Alias, A. (n.d). Penerokaan Kesan Pengajaran Dan Pembelajaran. *Universiti Teknologi Mara Melaka*, 3-16.

Hasiah binti Mat Salleh, M. N. (2021). Analisis Teori Nilai Imam Al-Ghazali Dalam perlindungan hak-hak warga emas menurut perundangan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 174-189.

Marzuki, R. (2017). Elemen Pembinaan Akhlak Al-Imam Al-Ghazali. *Malaysia Journal For Islamic Studies* , 32-41.

Mohd Hasrul Shuhar, M. F. (2015). Nilai-nilai penting individu muslim menurut Al-Ghazali. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 36-47.

Mohd Hasrul Shuhari, M. F. (2020). Hubungan Al-Asma' Al-Husna Dengan Al-Sidq perspektif Al-Ghazali berdasarkan Al-Maqasad Al-Asna. *Afkar* , 43-65.

Norhayati Rafida, N. H. (2012). Perundangan Asas Penyebaran Dakwah Islam: Analisis Kerangka Ke atas Perjanjian Zaman Rasulullah (s.a.w). *Global Journal Al-Thaqafah*, 6.

Nuril Ham Al Hafizah Zahari, S. N. (2021). Sorotan Perkembangan Pembangunan Aplikasi Android Juz 'Amma Versi Bahasa Melayu Dari Tahun 2016-2020 . *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah* , 53.

Osup, D. A. (2020). Kaedah Mengalami-Menghayati Dalam Pengajaran Kaedah Mengalami-Menghayati Dalam Pengajaran. *Jurnal Pengajian Melayu – JOMAS*, 76-88.

Razali, W. M. (2018, 2). Konsep Ikhlas menurut Imam Al-Gahazali. *Huraian ringkas konsep ikhlas dalam pandangan imam Al-ghazali* , p. 17.

Yunus, N. M. (2019). *Aplikasi Quran Isyarat Pertama di Malaysia Dilancarkan oleh YB Menteri Agama*. Nilai: Pusat Komunikasi Strategik (StraComm).

Zainuddin, Dr. N. (n.d.). Rasulullah SAW model teladan umat sepanjang zaman. Universiti Sains Islam Malaysia:<https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/rasulullah-saw-model-teladan-umat-sepanjang-zaman/>